

# **UMS anjur ICOMSA 2018 pada 14-16 Mac ini**

**UB 8.2.2018 B2**

**KOTA KINABALU:** Institut Penyelidikan Marin Borneo, Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Sains Marin dan Akuakultur (ICOMSA) dengan tema '*Ocean Governance-Issues, Priorities & Strategies*' pada 14-16 Mac 2018.

Tema ini adalah pertama kali diketengahkan di negara ini dan dijangka akan menarik ramai penyertaan dari kalangan ahli profesional dan pihak berkepentingan dari dalam dan luar negara.

Pihak penganjur memilih tema ini untuk dibahaskan pada persidangan ICOMSA tahun ini bagi menggalakkan interaksi dalam kalangan peserta pelbagai disiplin sains, sains sosial, ekonomi, zon pesisir dan pengurusan alam sekitar marin, pelancongan marin, navigasi dan maritim dan lain-lain, ke arah memperkasakan usaha melindungi dan mengurus sumber laut selaras dengan matlamat Pembangunan Mapan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang ditandatangani oleh Malaysia.

Persidangan ini mengalukan penyertaan dari semua pihak berkepentingan khususnya institusi pendidikan, industri, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan individu yang berkomitmen untuk menyumbang kepada pengurusan persekitaran pantai dan marin.

Kertas kerja yang dibentangkan akan tertumpu pada penerangan mengenai isu-isu semasa dan pendekatan penyelesaian masalah berhubung tadbir urus laut.